

16/04/1997

MoU tapis maklumat melalui Internet

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara asing bagi menapis maklumat melalui Internet selepas Koridor Raya Multimedia (MSC) beroperasi sepenuhnya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu adalah sebahagian strategi untuk meminimumkan kemasukan maklumat yang tidak bertanggungjawab termasuk bahan lucah menerusi Internet ke negara ini.

Bagaimanapun Perdana Menteri meminta rakyat menerima hakikat bahawa teknologi maklumat tidak dapat dikawal serta ditapis sepenuhnya kecuali melalui kekuatan dalaman penggunaanya.

"Kita akan adakan MoU dengan negara lain untuk kawal maklumat yang dimasukkan dalam Internet. Ini adalah ikhtiar kita tetapi ia tidak semestinya akan berhasil 100 peratus.

"Oleh itu, dalam menapis dan mengawal kemasukan maklumat, kekuatan dalaman semua orang penting. Rakyat perlu menyediakan benteng yang kukuh untuk menolak maklumat tidak baik.

"Bagi pihak kerajaan, kita akan melaksanakan semua langkah yang difikirkan wajar termasuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang siber. Kita harap ia akan berhasil," katanya pada sidang video mengenai MSC di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Sidang video kira-kira dua jam itu disertai 13,000 penonton di 28 lokasi di seluruh negara. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie mempengerusikan sidang yang turut ditonton oleh menteri-menteri besar, ketua menteri dan ahli Dewan Undangan Negeri di seluruh negara itu.

Perdana Menteri menjawab pelbagai soalan mengenai MSC dari wakil-wakil Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak, Kedah, Terengganu, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang dan Johor.

MSC, yang dibangunkan di kawasan seluas 15 kilometer x 50 kilometer bermula dari Kuala Lumpur City Center hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, akan membabitkan pelbagai aplikasi IT termasuk kerajaan elektronik, teleperubatan, kad pintar, sekolah bestari serta web perhubungan dan pemasaran.

Mengenai kritikan kononnya kerajaan terlalu mengutamakan orang asing dalam MSC, Dr Mahathir menjelaskan kerajaan berbuat demikian kerana mereka mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan.

Jika kerajaan tidak membenarkan orang asing beroperasi di sini, mereka boleh melaksanakan perkara yang sama di negara lain dan ia sudah tentu merugikan Malaysia.

"Kita mahu mereka bekerja di sini dan melatih rakyat tempatan untuk memiliki kemahiran yang sama. Ini adalah kelebihan berbanding beroperasi dari luar sedangkan mereka mengaut keuntungan yang sama," katanya.

Menjawab soalan dari wakil Selangor, Perdana Menteri berkata kerajaan akan memastikan usahawan Bumiputera mendapat peluang yang sama dengan pelabur asing dalam projek berkenaan.

Menurutnya, dasar kerajaan adalah memastikan usahawan Bumiputera mendapat peluang sebanyak mungkin di MSC selain pelaburan mereka dapat meningkatkan kemahiran di bidang berkenaan.

"Saya dimaklumkan ada syarikat Bumiputera membeli komputer berharga RM20 juta yang berkeupayaan menyimpan maklumat pada keupayaan tinggi. Ini membuktikan minat serta keupayaan syarikat Bumiputera," katanya.

(END)